

	POLISI PEMBERI MAKLUMAT
No. Dokumen	LRT/IGU/0320/WBP(1.0)
Tarikh Berkuatkuasa	11 JANUARI 2021
Tarikh Semakan	N/A

1.0 KENYATAAN POLISI

- 1.1 Ladang Rakyat Trengganu Sdn Bhd (*selepas ini disebut sebagai LRTSB*) komited dalam memastikan standard integriti, akauntabiliti dan profesionalisme tertinggi dalam menjalankan perniagaannya selaras dengan nilai-nilai teras LRTSB seperitimana berikut:-

Lestari

Pengurusan LRTSB komited dalam penanaman kelapa sawit secara Lestari.

Responsif

Sentiasa proaktif, kooperatif, kritis, suportif, peka terhadap situasi, keperluan dan tanggungjawab.

Teguh

Berpegang teguh kepada prinsip dan nilai-nilai islam dalam melaksanakan ‘good governance’

Setia

Melaksanakan tanggungjawab dengan penuh dedikasi dan komitmen berdasarkan kepada visi dan misi serta berdaya tahan dan setia sepenuhnya

Berpasukan

Sepakat untuk bekerja secara berpasukan, menyumbang kepada pencapaian matlamat bersama dan perkongsian visi dalam suasana interaksi yang kondusif.

- 1.2 Polisi dan Prosedur Pemberi Maklumat LRTSB diwujudkan mengikut Arahan YAB Perdana Menteri No.1 Tahun 2018 yang menggariskan supaya syarikat menyediakan saluran pelaporan berkaitan salah laku dan menangani isu-isu kelemahan integriti dan governans.
- 1.3 Polisi ini menjelaskan/menerangkan tindakan-tindakan yang perlu dilakukan sekiranya berlaku salah laku rasuah, percanggahan kepentingan, salah guna kuasa, penyelewengan dan pelanggaran kepada peraturan-peraturan di dalam LRTSB dan kumpulan syarikat.
- 1.4 Unit Integriti LRTSB mewujudkan saluran Aduan Integriti sebagai inisiatif serta selaras dengan amalan Tadbir Urus Terbaik (“Good Governance”) dalam memastikan LRTSB dan Kumpulan Syarikat mempunyai mekanisme kawalan dalaman yang mantap, sistematik dan selari dengan undang-undang dalam usaha untuk membendung salah laku yang menyumbang kepada berlakunya ketirisan, pembaziran dan ketidakadilan sehingga menjaskan reputasi LRTSB serta Kumpulan Syarikat dan secara tidak langsung akan mencemarkan imej Kerajaan Negeri.

	POLISI PEMBERI MAKLUMAT
No. Dokumen	LRT/IGU/0320/WBP(1.0)
Tarikh Berkuatkuasa	11 JANUARI 2021
Tarikh Semakan	N/A

1.5 LRTSB dan Kumpulan Syarikat perlu meneruskan prinsip tidak berkompromi dalam sebarang bentuk salah laku rasuah, konflik kepentingan, salah guna kuasa dan penyelewengan serta memastikan segala urusniaga adalah efisien dan bersih dari sebarang unsur salah laku berkenaan. Oleh itu, polisi ini perlu menjadi medium utama untuk menyuarakan kesangsian atau melaporkan sebarang salah laku tanpa rasa bimbang. Perlindungan sewajarnya akan diberikan kepada pelapor tertakluk kepada syarat dan peraturan yang ditetapkan dalam polisi ini.

1.6 Aduan Integriti:

“Sebarang aduan oleh kakitangan LRTSB, pihak luar yang berurusan dengan LRTSB atau orang awam bagi melaporkan sebarang salah laku kakitangan LRTSB, kelemahan sistem dan tatacara kerja, perbuatan rasuah, penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa atau tindakan yang menyalahi undang-undang”.

2. OBJEKTIF POLISI

2.1 Objektif Polisi Pemberi Maklumat LRTSB dan Kumpulan Syarikat adalah seperti berikut:

- 2.1.1 Memberi ruang dan peluang kepada mana-mana Pelapor untuk membuat laporan salah laku di LRTSB dan Kumpulan Syarikat ;
- 2.1.2 Memberi jaminan kepada mana-mana Pelapor bahawa mereka akan dilindungi daripada tindakan yang memudaratkan sekiranya membuat laporan;
- 2.1.3 Menyediakan satu mekanisme rasmi yang selamat bagi tindakan yang akan diambil ke atas semua laporan salah laku yang diterima; dan
- 2.1.4 Mengambil tindakan yang sewajarnya bagi apa-apa perkara salah laku yang dilaporkan oleh mana-mana sumber lain.

3. DEFINISI

3.1 Definisi terma yang diguna pakai di dalam Polisi ini membawa maksud seperti berikut:

	POLISI PEMBERI MAKLUMAT
No. Dokumen	LRT/IGU/0320/WBP(1.0)
Tarikh Berkuatkuasa	11 JANUARI 2021
Tarikh Semakan	N/A

Singkatan/Terma	Definisi Terma
Agensi Penguatkuasa Undang-undang	Agensi Kerajaan yang mempunyai fungsi dan kuasa penyiasatan dan penguatkuasaan seperti Polis Diraja Malaysia, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia dan lain-lain.
Laporan salah laku	Sebarang laporan atau maklumat berkaitan salah laku yang jika terbukti, boleh menjadi suatu kesalahan jenayah atau kesalahan tatatertib.
Pelapor	Seseorang atau kumpulan orang yang membuat laporan atau memberi maklumat berkaitan salah laku.
Pencanggahan Kepentingan	Konflik antara kepentingan peribadi seseorang dengan tanggungjawab rasminya yang boleh mempengaruhi secara salah dalam pelaksanaan tugas beliau.
Perkara salah laku yang dilaporkan oleh mana-mana sumber lain	Laporan atau maklumat berkaitan salah laku yang dilaporkan oleh agensi luar, rujukan daripada Jabatan / Unit / rujukan daripada LRTSB dan Kumpulan Syarikat, rujukan dari Jabatan Integriti SUK dan rujukan daripada Lembaga Pengarah LRTSB dan lain-lain.
Kakitangan LRTSB / Kumpulan Syarikat	Seseorang yang dilantik bekerja untuk LRTSB / Kumpulan Syarikat secara tetap, sementara atau kontrak.
Pihak berkepentingan dalam LRTSB	Organisasi yang ditubuh oleh MBI seperti anak syarikat, Yayasan, Kelab Sukan, Pertubuhan dan Kesatuan Sekerja Anak Syarikat termasuklah semua kakitangan dan Ahli Lembaga Pengaruhnya / Ahli Pemegang Amanah anak syarikat.
Polisi	Merujuk kepada Polisi Pemberi Maklumat LRTSB / Kumpulan Syarikat.
Rakan Perniagaan	Pembekal, kontraktor, juru perunding atau mana-mana pihak yang mempunyai urusan perniagaan atau perkhidmatan dengan LRTSB dan Kumpulan Syarikat serta pihak berkepentingan dalam LRTSB.

	POLISI PEMBERI MAKLUMAT
No. Dokumen	LRT/IGU/0320/WBP(1.0)
Tarikh Berkuatkuasa	11 JANUARI 2021
Tarikh Semakan	N/A

Singkatan/Terma	Definisi Terma
Rasuah	Apa-apa manfaat yang ditawar / diberi / diminta / diterima dalam apa-apa bentuk sebagai balasan untuk melakukan atau tidak melakukan sesuatu yang ada kaitan dengan urusan LRTSB dan Kumpulan Syarikat.
Salah guna kuasa	Menggunakan jawatan atau kedudukan rasmi untuk manfaat diri sendiri atau saudara atau sekutu.
Salah laku	Apa-apa kelakuan tidak wajar yang bertentangan dengan undang-undang atau polisi, peraturan dan prosedur jabatan.
Saudara	Tafsiran “saudara” adalah seperti mana maksud di bawah seksyen 3 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).
Sekutu	Tafsiran “Sekutu” adalah seperti mana maksud di bawah Seksyen 3 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).

4. SKOP

4.1 Polisi ini terpakai kepada:

4.1.1 Semua kakitangan LRTSB dan kumpulan syarikat (kumpulan sokongan, kumpulan eksekutif dan kumpulan pengurusan) termasuklah pengurusan utama, Ahli Lembaga Pengarah LRTSB dan kumpulan syarikat;

4.1.2 Semua pembekal, vendor, kontraktor, termasuklah pembekal, vendor dan kontraktor yang terlibat dalam pembidaan projek LRTSB dan kumpulan syarikat;

4.1.3 Perunding LRTSB dan kumpulan syarikat;

4.1.4 Pelanggan LRTSB dan kumpulan syarikat;

4.1.5 Orang awam;

4.2 Skop Polisi ini meliputi semua salah laku yang telah, sedang atau dipercayai akan berlaku di LRTSB dan Kumpulan Syarikat yang jika terbukti:

4.2.1 Menjadi suatu kesalahan jenayah di bawah undang-undang; dan

4.2.2 Menjadi suatu kesalahan tatatertib sekiranya melanggar Kod Etika dan Tatalaku Kakitangan LRTSB dan Kumpulan Syarikat serta mana-

	POLISI PEMBERI MAKLUMAT
No. Dokumen	LRT/IGU/0320/WBP(1.0)
Tarikh Berkuatkuasa	11 JANUARI 2021
Tarikh Semakan	N/A

mana polisi, peraturan dan prosedur yang diguna pakai di LRTSB dan Kumpulan Syarikat.

- 4.3 Antara skop salah laku yang boleh dilaporkan adalah seperti berikut:
- 4.3.1 Menawar / memberi / meminta / menerima apa-apa rasuah;
 - 4.3.2 Konflik kepentingan;
 - 4.3.3 Salah guna kuasa termasuk melibatkan manfaat kepada diri sendiri, saudara dan sekutu;
 - 4.3.4 Penyelewengan antaranya seperti berikut:
 - a) Membuat / memperakukan / mengemukakan tuntutan palsu;
 - b) Pecah amanah jenayah seperti penggelapan wang atau penggunaan wang tanpa kelulusan;
 - c) Penyalahgunaan aset LRTSB dan kumpulan syarikat;
 - d) Penipuan / fraud
 - e) Pemalsuan;
 - f) Pelanggaran polisi, prosedur atau peraturan pelakuan organisasi;
 - g) Memusnahkan, mencacatkan, mengubah atau menyembunyikan dokumen atau benda yang mempunyai kaitan dengan suatu siasatan; dan
 - h) Lain-lain kesalahan jenayah;
 - 4.3.5 Pelanggaran Kod Etika dan Tatakelakuan Kakitangan LRTSB dan Kumpulan Syarikat serta mana-mana polisi, peraturan dan prosedur LRTSB dan Kumpulan Syarikat antaranya seperti berikut:
 - a) Tidak hadir bekerja tanpa sebab / tidak mematuhi waktu bekerja;
 - b) Gangguan seksual / khalwat;
 - c) Tidak mengisyiharkan harta / tidak mengemas kini pemilikan harta baru atau pelupusan harta;
 - d) Menggunakan ubat terlarang / penagihan dadah;
 - e) Menjalankan pekerjaan lain tanpa kebenaran Ketua Jabatan;
 - f) Keluar negara tanpa kebenaran Ketua Jabatan;
 - g) Pengurusan kewangan yang tidak cekap menyebabkan kerugian / pembaziran kewangan MBI dan Kumpulan Syarikat; dan
 - h) Mendedahkan / menyalahgunakan maklumat sulit LRTSB dan Kumpulan syarikat / Kerajaan.

	POLISI PEMBERI MAKLUMAT
No. Dokumen	LRT/IGU/0320/WBP(1.0)
Tarikh Berkuatkuasa	11 JANUARI 2021
Tarikh Semakan	N/A

- 4.3.6 Bersubahat, mengarahkan, menasihati atau menyebabkan seseorang melakukan mana-mana perkara di atas.

5. PENGUATKUASAAN

- 5.1 Penguatkuasaan Polisi ini adalah tertakluk kepada kelulusan Lembaga Pengarah LRTSB dan Kumpulan Syarikat.
- 5.2 Unit Integriti & Governans bertanggungjawab untuk menyemak dan mengemaskini Polisi ini sekurang-kurangnya sekali setiap dua (2) tahun agar tetap relevan. Mana-mana pindaan yang dicadangkan di masa hadapan hendaklah dikemukakan kepada Jawatankuasa Integriti LRTSB untuk persetujuan dan seterusnya dibentangkan kepada Lembaga Pengarah LRTSB untuk kelulusan.
- 5.3 Polisi ini juga akan digunakan oleh anak-anak syarikat kumpulan LRTSB yang tidak mempunyai Jabatan Integritinya tersendiri.
- 5.4 Polisi ini hendaklah disebarluaskan kepada semua kakitangan LRTSB, Ahli Lembaga Pengarah LRTSB dan pihak berkepentingan dalam LRTSB serta dimuat naik di dalam laman web LRTSB (www.lrtsb.com.my).

6. PEMAKAIAN DAN PENGASINGAN

- 6.1 Polisi ini terpakai kepada semua kakitangan LRTSB dan kumpulan syarikat, Ahli Lembaga Pengarah LRTSB/ Kumpulan Syarikat dan pihak berkepentingan dalam LRTSB.
- 6.2 Polisi ini hendaklah dibaca bersama dengan Kod Etika dan Tata-laku Kakitangan LRTSB serta mana-mana polisi, peraturan dan prosedur LRTSB serta undang-undang di Malaysia.
- 6.3 Bagi mengelakkan keraguan, apa-apa mekanisme polisi dan prosedur pemberi maklumat yang dibuat oleh pihak berkepentingan dalam LRTSB dan Kumpulan Syarikat hanya boleh bertindak sebagai tambahan kepada Polisi ini, dan sekiranya berlaku apa-apa percanggahan, Polisi ini akan diguna pakai.
- 6.4 Apa-apa terma, peruntukan atau janji dalam Polisi ini yang tidak sah atau tidak boleh dikuatkuasakan hendaklah menjadi tidak efektif setakat menyalahi undang-undang atau tidak boleh dikuatkuasakan tanpa membatalkan peruntukan-peruntukan Polisi ini.
- 6.5 Polisi ini tidak boleh digunakan sebagai pengganti atau alternatif kepada Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 (Akta 711) untuk mendapatkan kekebalan daripada tindakan sivil dan jenayah. Sepertimana yang diperuntukkan oleh undang-undang, Pelapor juga boleh membuat apa-apa laporan salah laku kepada agensi penguatkuasa undang-undang di mana

	POLISI PEMBERI MAKLUMAT
No. Dokumen	LRT/IGU/0320/WBP(1.0)
Tarikh Berkuatkuasa	11 JANUARI 2021
Tarikh Semakan	N/A

perlindungan sepenuhnya di bawah Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 (Akta 711) dan lain-lain akta yang berkaitan boleh diberikan kepada Pelapor.

6.6 Polisi ini tidak terpakai bagi perkara-perkara berikut:

- 6.6.1 Laporan yang bersifat rungutan peribadi mengenai terma- terma dan syarat-syarat perkhidmatan, penilaian prestasi, pampasan atau lain-lain aspek hubungan kerja individu;
- 6.6.2 Laporan yang mengandungi maklumat yang dilarang didedahkan oleh undang-undang seperti Akta Cukai Pendapatan 1967 (Akta 53), Akta Rahsia Rasmi 1972 (Akta 88), Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 (Akta 758) dan yang sepertinya;
- 6.6.3 Laporan yang mempersoalkan merit dasar Kerajaan atau LRTSB; dan
- 6.6.4 Laporan yang dibuat tanpa butiran identiti Pelapor, identiti Pelapor tidak dapat disahkan atau dibuat melalui surat layang. Sebarang tindakan yang akan diambil, jika ada, ke atas laporan salah laku sebegini akan ditentukan bergantung kepada kebolehpercayaan dan ketepatan kandungan laporan.

7. MEMBUAT PELAPORAN

- 7.1 Pelapor perlu membuat laporan dengan segera sekiranya mempunyai kepercayaan yang munasabah suatu salah laku telah, sedang atau dipercayai akan berlaku di LRTSB dan Kumpulan Syarikat.
- 7.2 Pelapor digalakkan untuk membuat laporan melalui kaedah-kaedah berikut:
 - 7.2.1 Berjumba atau menghubungi mana-mana Pegawai Unit Integriti untuk membuat laporan; (Khidmat Pesanan Ringkas (SMS), Aplikasi Laman Sembang Sosial seperti WhatsApp, Telegram dan lain-lain;
 - 7.2.2 Secara bertulis dan dihantar sama ada dengan tangan, pos atau emel di alamat seperti berikut:
 - a) Pengerusi Lembaga Jawatankuasa Audit, Risiko dan Integriti,
d/a Ladang Rakyat Trengganu Sdn Bhd,
Km1, Jalan Cherul, Bandar Cheneh Baru,
24000 Kemaman, Terengganu.
 - b) Pengurus Integriti,
Ladang Rakyat Trengganu Sdn Bhd
Km1, Jalan Cherul, Bandar Cheneh Baru,
24000 Kemaman, Terengganu.
 - c) integritilrtsb@lrtsb.com.my

	POLISI PEMBERI MAKLUMAT
No. Dokumen	LRT/IGU/0320/WBP(1.0)
Tarikh Berkuatkuasa	11 JANUARI 2021
Tarikh Semakan	N/A

- 7.2.3 Secara panggilan telefon dengan menghubungi talian *whistleblowing* di talian 09-8730399
- 7.3 Pelapor perlu memberikan maklumat lengkap dan jelas seperti berikut:
- 7.3.1 Keterangan tentang salah laku dan identiti pihak yang terlibat;
 - 7.3.2 Keterangan tentang bagaimana salah laku dilakukan berserta dengan menyatakan tempat, tarikh dan masa kejadian;
 - 7.3.3 Menyertakan keterangan yang berkaitan sama ada dokumen atau lain-lain perkara yang boleh menjadi bukti; dan
 - 7.3.4 Butir-butir Pelapor seperti nama, alamat, talian telefon dan emel untuk tujuan dihubungi dan maklum balas.
- 7.4 Laporan salah laku hendaklah dibuat dengan niat suci hati, bukan palsu, berniat jahat atau bersifat fitnah. Laporan itu hendaklah berdasarkan kepada fakta dan tidak bersifat spekulatif.
- 7.5 Perlindungan akan diberikan kepada rakan perniagaan atau mana-mana orang awam yang membuat laporan salah laku di bawah Polisi ini tertakluk kepada kewajaran dan di mana yang bersesuaian. Bagi mendapatkan perlindungan sepenuhnya di bawah Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 (Akta 711) dan lain-lain akta yang berkaitan, rakan perniagaan atau mana-mana orang awam boleh membuat laporan kepada agensi penguatkuasa undang-undang.
- 7.6 Sekiranya laporan salah laku dibuat terhadap mana-mana Ahli Lembaga Pengarah LRTSB, Ahli Lembaga Jawatankuasa IntegritiLRTSB, atau pegawai Unit Integriti maka ahli atau pegawai berkenaan tidak boleh turut sama melibatkan diri di dalam keseluruhan proses yang dinyatakan di dalam Polisi ini atau membuat apa-apa tindakan atau keputusan ke atas laporan tersebut. Apa-apa tugas dan tanggungjawab ahli atau pegawai tersebut hendaklah diambil alih oleh ahli atau pegawai lain yang terkanan.

8. PERLINDUNGAN

- 8.1 Identiti pelapor termasuk jawatan, alamat, tempat kerja, alamat kediaman dan lain-lain yang berkaitan akan dirahsiakan dan dilindungi oleh Polisi ini.
- 8.2 Semua laporan salah laku adalah disifatkan dan diklasifikasikan sebagai SULIT. Kandungan laporan salah laku tidak boleh didedahkan kepada mana-mana pihak kecuali pihak yang berhak untuk mengetahuinya seperti agensi penguatkuasa undang-undang, Pasukan Penyiasat, Lembaga Jawatankuasa Integriti dan Ahli Lembaga Pengarah LRTSB untuk tujuan siasatan, penilaian dan membuat keputusan. Bagaimanapun, identiti Pelapor tetap juga akan dirahsiakan dan dilindungi serta tidak boleh dinayatakan dalam apa-apa dokumen dan pernyataan.

	POLISI PEMBERI MAKLUMAT
No. Dokumen	LRT/IGU/0320/WBP(1.0)
Tarikh Berkuatkuasa	11 JANUARI 2021
Tarikh Semakan	N/A

- 8.3 Pelapor adalah dilarang untuk mendedahkan apa-apa butiran laporan salah laku yang dibuat olehnya kepada mana-mana pihak lain kecuali kepada agensi penguatkuasa undang-undang. Kegagalan Pelapor mematuhi larangan ini boleh menyebabkan kerahsiaan dan perlindungan kepada Pelapor di bawah Polisi ini terbatalkan.
- 8.4 Pelapor yang membuat laporan dengan niat suci hati akan dilindungi daripada apa-apa tindakan yang memudaratkan.
- 8.5 Sesiapa yang melakukan tindakan yang memudaratkan terhadap Pelapor akan dikenakan tindakan tatatertib sehingga ke tahap penamatkan pekerjaan atau pemecatan atau dilaporkan kepada agensi penguatkuasa undang-undang. Tindakan yang memudaratkan termasuklah:
- 8.5.1 Tindakan yang menyebabkan kecederaan, kehilangan atau kerosakan;
 - 8.5.2 Ugutan dan gangguan;
 - 8.5.3 Gangguan terhadap pekerjaan termasuk diskriminasi, penamatkan perkhidmatan, penurunan pangkat, gantung kerja, keadaan yang merugikan, layanan buruk berhubung dengan pekerjaan, atau pengambilan tindakan tatatertib; dan
 - 8.5.4 Ancaman untuk mengambil mana-mana tindakan di atas.
- 8.6 Kerahsiaan dan perlindungan kepada Pelapor tidak akan terjejas sekiranya salah laku yang dibuat itu tidak membawa kepada suatu tindakan tatatertib atau pendakwaan di bawah mana-mana undang-undang.

9. PEMBATALAN PERLINDUNGAN

- 9.1 Perlindungan kepada Pelapor akan terbatal sekiranya didapati Pelapor telah membuat laporan salah laku yang diketahuinya palsu, dengan berniat jahat atau berunsur fitnah. LRTSB memandang serius mengenai perkara ini dan tindakan tatatertib atau tindakan pengaduan kepada agensi penguatkuasa undang-undang boleh diambil ke atas Pelapor.
- 9.2 Perlindungan juga akan terbatal dalam keadaan-keadaan berikut:
- 9.2.1 Pelapor sendiri terlibat dalam melakukan salah laku yang dilaporkan olehnya;
 - 9.2.2 Pelapor membuat laporan salah laku dengan motif untuk mengelak daripada ditamatkan perkhidmatan pekerjaan atau dikenakan tindakan tatatertib; dan
 - 9.2.3 Sama ada sebelum atau selepas membuat laporan salah laku, Pelapor telah mendedahkan mana-mana butiran laporan itu kepada mana-mana pihak yang tidak berhak untuk mengetahuinya.

	POLISI PEMBERI MAKLUMAT
No. Dokumen	LRT/IGU/0320/WBP(1.0)
Tarikh Berkuatkuasa	11 JANUARI 2021
Tarikh Semakan	N/A

10. TANGGUNGJAWAB

10.1 Lembaga Pengarah LRTSB

- 10.1.1 Memastikan Polisi ini dan mekanismenya dilaksanakan di LRTSB dan Kumpulan Syarikat secara selamat.
- 10.1.2 Membincangkan laporan salah laku serta memutuskan tindakan sewajarnya. Tindakan yang boleh diambil ialah:
 - a) Siasat;
 - b) Dipanjangkan kepada agensi penguatkuasa undang-undang;
 - c) Dirujuk kepada bahagian/unit untuk tindakan penambahbaikan dalaman;
 - d) Tiada siasatan (tiada asas); atau
 - e) Lain-lain tindakan sewajarnya.
- 10.1.3 Membincangkan hasil siasatan salah laku serta membuat keputusan yang sewajarnya dengan adil dan saksama berdasarkan kepada polisi dan peraturan. Keputusan yang boleh dibuat ialah:
 - a) Tindakan tatatertib;
 - b) Tindakan sivil;
 - c) Dipanjangkan kepada agensi penguatkuasa undang-undang;
 - d) Dirujuk kepada jabatan/unit untuk teguran atau tindakan penambahbaikan dalaman;
 - e) Tiada tindakan (tiada keterangan atau bukti);
 - f) Lain-lain tindakan seajarnya.

10.2 Lembaga Jawatankuasa Integriti (BIC) LRTSB

- 10.2.1 Menilai laporan salah laku dan hasil siasatan salah laku serta syor-syor yang dikemukakan oleh Unit Integriti.
- 10.2.2 Membentangkan laporan salah laku dan hasil siasatan salah laku berserta syor-syornya kepada Lembaga Pengarah LRTSB dan Kumpulan Syarikat untuk keputusan.

10.3 Unit Integriti

	POLISI PEMBERI MAKLUMAT
No. Dokumen	LRT/IGU/0320/WBP(1.0)
Tarikh Berkuatkuasa	11 JANUARI 2021
Tarikh Semakan	N/A

- 10.3.1 Bertindak sebagai Sekretariat kepada Lembaga Jawatankuasa Integriti LRTSB.
- 10.3.2 Menerima dan menguruskan laporan salah laku serta membuat syor tindakan sewajarnya untuk dibentangkan kepada BIC dan Lembaga Pengarah LRTSB.
- 10.3.3 Menjalankan siasatan ke atas laporan salah laku apabila dikehendaki oleh Lembaga Pengarah LRTSB.
- 10.3.4 Membuat syor tindakan sewajarnya ke atas hasil siasatan salah laku untuk dibentangkan kepada BIC dan Lembaga Pengarah LRTSB.
- 10.4 Pasukan Penyiasat
- 10.4.1 Pasukan penyiasat terdiri daripada pegawai-pegawai Unit Integriti ataupun mana-mana pegawai yang dilantik oleh Lembaga Pengarah LRTSB untuk menjalankan suatu siasatan.
- 10.4.2 Melakukan siasatan tanpa berat sebelah dan prasangka apabila dikehendaki oleh Lembaga Pengarah LRTSB.
- 10.4.3 Pasukan penyiasat dibenarkan untuk menemu bual, merakam pernyataan, memperolehi dokumen atau sebarang maklumat yang diperlukan bagi tujuan kajian dan siasatan salah laku.
- 10.4.4 Menyediakan dan menyerahkan laporan siasatan dengan syor yang sewajarnya kepada BIC dan seterusnya kepada Lembaga Pengarah LRTSB/Kumpulan Syarikat LRTSB.

11. MAKLUMBALAS

- 11.1 Pelapor akan dimaklumkan mengenai tindakan yang diambil ke atas laporan salah laku yang dibuat olehnya dan hasil siasatan ke atas laporan tersebut.

12. CARTA ALIR PEMBERI MAKLUMAT

- 12.1 Carta Alir seperti di **Lampiran A**